

21 OCT 1998

Parlimen-saham

RM20.5 BILION DARIPADA DANA AWAM DILABUR SEJAJAR SYARIAH

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) --Empat dana awam melabur sebanyak RM20.5 bilion, sehingga 30 Sept lepas, ke dalam pelaburan yang berlunaskan syariah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata dana awam tersebut ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Beliau memberitahu demikian dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini hari ini, bagi soalan yang dikemukakan oleh Noh Omar (BN-Tanjung Karang), yang ingin tahu nisbah dana berkenaan yang dilaburkan dalam sumber yang mendatangkan keuntungan sejajar dengan syariah.

Dr Mahathir berkata senarai yang digunakan bagi pengkelasan saham-saham syarikat sama ada mengikut syariah atau tidak, adalah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) kepada Suruhanjaya Sekuriti (SS).

Dalam membuat pengkelasan saham-saham sebagai saham yang diluluskan, MPS telah menggunakan kriteria yang standard, iaitu tumpuan ke atas aktiviti utama syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), katanya.

Beliau berkata syarikat yang aktiviti utamanya tidak bertentangan dengan prinsip syariah akan dikelaskan sebagai saham yang diluluskan untuk pelaburan.

Setakat 10 Ogos lepas, sebanyak 542 kaunter atau 74 peratus merupakan kaunter yang diluluskan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata berasaskan kepada definisi itu, nisbah daripada dana-dana yang dikendalikan oleh keempat-empat dana awam itu: KWAP melibatkan 30.5 peratus atau RM3.6 bilion daripada jumlah pelaburan sebanyak RM11.7 bilion, LTAT (40 peratus atau RM1.8 bilion daripada pelaburan RM4.5 bilion), Perkeso (14.9 peratus atau RM0.9 bilion daripada pelaburan RM6.4 bilion) dan KWSP (10.2 peratus atau RM14.2 bilion daripada pelaburan RM138.8 bilion).

-- BERNAMA

NHD RI